



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA
LEMBAGA PEPERIKSAAN
EXAMINATIONS SYNDICATE
Aras 1,2,5-13, Blok E11, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: +603-8884 3785 / 3787
Faks: +603-8884 3783
Portal Rasmi: <http://www.lp.moe.gov.my>

Ruj. Kami / Our Ref : KPM.100-1/3/12 (I)

Tarikh / Date : **27** Jun 2023

Pengarah Pendidikan
Semua Jabatan Pendidikan Negeri

YBrs. Dr./Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING LEMBAGA PEPERIKSAAN BILANGAN 1 TAHUN 2023:
PELAKSANAAN PENTAKSIRAN ALTERNATIF PENDIDIKAN RENDAH BAGI
MURID BERKEPERLUAN PENDIDIKAN KHAS MULAI KALENDAR AKADEMIK
SESI 2023/2024**

TUJUAN

Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) ini bertujuan untuk memaklumkan berkenaan Pelaksanaan Pentaksiran Alternatif Pendidikan Rendah Bagi Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Mulai Kalendar Akademik Sesi 2023/2024.

LATAR BELAKANG

2. Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) mula dilaksanakan pada tahun 2011 merangkumi Pentaksiran Pusat (PP), Pentaksiran Sekolah (PS) yang kini dikenali sebagai Pentaksiran Bilik Darjah (PBD), Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) dan Pentaksiran Psikometrik (PPsi). Sejalan dengan pelaksanaan PBS, Pentaksiran Alternatif Sekolah Rendah (PASR) telah dilaksanakan pada tahun 2016 untuk murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) yang tidak mengikuti kurikulum dan pentaksiran arus perdana. Tahap pembelajaran MBPK pada peringkat sekolah rendah dapat dilaporkan dengan pelaksanaan PASR.

...2/-

3. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 28 April 2021 telah meluluskan cadangan pemansuhan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR). Mesyuarat turut memutuskan agar pelaksanaan PBS diperkasakan di semua sekolah meliputi pembelajaran dan pentaksiran MBPK.

4. Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Kebangsaan Bilangan 3 Tahun 2022 bertarikh 22 Disember 2022 telah meluluskan Instrumen Pentaksiran Alternatif Pendidikan Rendah (PAPR) bagi Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK). Mesyuarat Profesional Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 9 Tahun 2023 bertarikh 6 April 2023 pula telah meluluskan Konsep dan Garis Panduan Pentaksiran Alternatif Pendidikan Rendah bagi Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Mulai Kalendar Akademik Sesi 2023/2024.

PELAKSANAAN

5. Pelaksanaan PAPR adalah berdasarkan syarat-syarat berikut:

- 5.1 MBPK yang berada di sekolah KPM atau sekolah bantuan kerajaan atau sekolah swasta yang berdaftar dengan KPM;
- 5.2 mengikuti Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas Tahap 2; **dan**
- 5.3 mendapat kebenaran bertulis daripada ibu bapa/penjaga.

6. Garis Panduan dan dokumen berkaitan PAPR seperti berikut boleh dimuat turun daripada laman sesawang Lembaga Peperiksaan, KPM melalui pautan <http://lp.moe.gov.my>:

- 6.1 Dokumen Instrumen Pentaksiran Berasaskan Persekitaran (*Environment Based Assessment Instrument – EBAI*) PAPR;
- 6.2 Dokumen Standard Kebolehan; **dan**
- 6.3 Garis Panduan Pentadbiran Pentaksiran Alternatif Pendidikan Rendah.

TARIKH KUAT KUASA

7. SPI ini **berkuat kuasa serta-merta** mulai tarikh SPI ini dikeluarkan.

PEMBATALAN

8. Dengan berkuat kuasa SPI ini, maka Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 3 Tahun 2016: Pelaksanaan Pentaksiran Alternatif Sekolah Rendah (PASR) Murid Berkeperluan Khas Mulai Tahun 2016 bertarikh 23 Februari 2016 adalah **dibatalkan**.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

9. YBr. Dr./Tuan/Puan hendaklah mengambil tindakan dan memastikan kandungan SPI ini dilaksanakan oleh semua pegawai yang bertanggungjawab di bahagian KPM, jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah dan institusi pendidikan bawah pentadbiran YBr. Dr./Tuan/Puan.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DR. MOHD AZAM BIN AHMAD)

Pengarah Peperiksaan
Lembaga Peperiksaan
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.

1. YB Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
2. YB Timbalan Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
3. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
4. Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
5. Semua Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
7. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pendidikan Malaysia
8. Ketua Pegawai Eksekutif
Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
9. Ketua Pengarah
Dewan Bahasa dan Pustaka
10. Ketua Nazir Sekolah
Jemaah Nazir
Kementerian Pendidikan Malaysia
11. Ketua-ketua Bahagian
Kementerian Pendidikan Malaysia
12. Ketua Eksekutif
Majlis Peperiksaan Malaysia
13. Pengarah Urusan
Institut Terjemahan dan Buku Malaysia
14. Ketua Komunikasi Korporat
Kementerian Pendidikan Malaysia